

Ruj. Kami : MQA.100-1/7/2 Jld. 4 (14)

Tarikh : 28 Oktober 2021

KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)

Tuan/Puan,

SURAT MAKLUMAN MQA BIL. 15/2021

PERMOHONAN AKREDITASI PENUH PROGRAM OLEH PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI KEPADA AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti mana tuan/puan sedia maklum, Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) telah mengeluarkan Pekeliling MQA Bil. 6/2019 – Perubahan Proses dan Tempoh Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh Mulai Julai 2019 bertarikh 9 Mei 2019 kepada semua Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT).
3. Selaras dengan pelaksanaan proses kerja baharu yang dinyatakan dalam Pekeliling tersebut, MQA telah menambah baik kriteria berkenaan **masa yang paling sesuai untuk Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) mengemukakan permohonan Akreditasi Penuh kepada MQA**. Kriteria baharu ini dibangunkan bagi memastikan proses penilaian Akreditasi Penuh ke atas program mencakupi aspek jaminan kualiti yang lebih menyeluruh.
4. Kriteria yang dibangunkan berdasarkan kepada **Mod Penawaran Program** adalah seperti berikut:

i) **Program Mod Kerja Kursus (Coursework)/ Mod Industri (Industry)**

PPT perlu mengemukakan permohonan penilaian Akreditasi Penuh program kepada MQA dalam tempoh dua bulan sebelum kohort pertama pelajar memasuki semester akhir dalam tahun akhir pengajian.

Bagi program yang menggunakan Kaedah Pembelajaran dan Pengajaran secara *Work Based Learning* (WBL) dan/ atau mempunyai komponen Latihan Industri/ Praktikum/ Klinik, PPT perlu memastikan tarikh lawatan penilaian Akreditasi Penuh program dilaksanakan setelah pelajar kohort pertama menjalani sekurang-kurangnya 60% daripada Latihan Industri/ Komponen Industri tersebut. Pengiraan dibuat berdasarkan kepada bilangan minggu pelajar berada di industri.

Bagi program pascasiswazah iaitu Sarjana Tahap 7 Kerangka Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Framework, MQF) dan Kedoktoran Tahap 8 MQF, PPT perlu memastikan tarikh lawatan penilaian Akreditasi Penuh program dilaksanakan setelah pelajar kohort pertama menyediakan draf akhir Kertas Projek.

ii) **Program Pascasiswazah Mod Campuran (Mixed-Mode) dan Mod Penyelidikan (Research)**

PPT perlu mengemukakan permohonan penilaian Akreditasi Penuh program Sarjana Tahap 7 MQF dan Kedoktoran Tahap 8 MQF kepada MQA setelah pelajar selesai menjalani *viva voce* bagi disertasi/ tesis.

5. Pelaksanaan dan pematuhan terhadap penambahbaikan kriteria ini **berkuat kuasa mulai 1 Januari 2022**. Surat makluman ini membatalkan:

- i) Surat Makluman MQA Bil. 1/2014 – Permohonan Akreditasi bagi Program Ijazah Sarjana (Tahap 7, MQF) dan Ijazah Kedoktoran (Tahap 8, MQF) secara Penyelidikan bertarikh 28 Januari 2014; dan
- ii) Surat Makluman MQA Bil. 9/2018 – Permohonan Akreditasi Penuh bagi Program Sarjana Tahap 7 MQF dan Kedoktoran Tahap 8 MQF secara Penyelidikan bertarikh 24 Disember 2018.

6. PPT dimohon mengambil perhatian dan membuat perancangan yang sewajarnya sebelum mengemukakan permohonan penilaian Akreditasi Penuh program kepada MQA dengan mengambil kira 'Takwim Proses Penilaian Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh' yang dimuat naik dalam Portal MQA sebelum mengemukakan permohonan penilaian program kepada MQA. Sekiranya PPT gagal mematuhi kriteria yang ditetapkan, proses penilaian Akreditasi Penuh program tidak dapat diteruskan dan PPT akan dikenakan caj pemprosesan sebanyak RM 250.00.

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



PROF. DATO' DR. MOHAMMAD SHATAR BIN SABRAN (DIMP, DPMP)

s.k.:

1. YBhg. Ketua Setiausaha
Pejabat Ketua Setiausaha
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 17, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
2. YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 9, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
3. YBhg. Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 5, Galeria PjH, Jalan P4w
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 W.P. PUTRAJAYA
4. SUSK YB Menteri Pengajian Tinggi
Pejabat Menteri Pengajian Tinggi
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 18, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
5. Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
Tingkat Bawah, Menara PTPTN
Blok D, Megan Avenue II
No.12, Jalan Yap Kwan Seng
50450 W.P. KUALA LUMPUR
6. Ketua Pegawai Eksekutif
Education Malaysia Global Services (EMGS)
Tingkat 20, Menara TA One
22 Jalan P Ramlee
50250 W.P. KUALA LUMPUR

7. Sekretariat
Jawatankuasa Naib Canselor/Rektor Universiti Awam (JKNC/R UA)
Pejabat Naib Canselor
Aras 2, Bangunan Canseleri
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 TANJONG MALIM, PERAK
8. Sekretariat
Jawatankuasa Timbalan-Timbalan Naib Canselor/Rektor (Akademik & Antarabangsa) (JKTNCRA UA)
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Aras 9, Canseleri
Universiti Malaya
50603 W.P. KUALA LUMPUR
9. Sekretariat
Majlis Dekan Pengajian Siswazah Universiti Awam
Pusat Pengajian Siswazah
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
P.O. Box 10
50728 KUALA LUMPUR
10. Sekretariat
Majlis Naib Canselor IPTS (Vice Chancellors Council for Private University, VCCPU)
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Penyelidikan)
Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)
Putrajaya Campus
Jalan IKRAM-UNITEN
43000 KAJANG, SELANGOR
11. Presiden
Persatuan Kebangsaan Institusi Pengajian Tinggi Swasta Bumiputera Malaysia (PKIBM)
c/o Pejabat Komunikasi Korporat, Kumpulan Pendidikan Uniti
Pt 7445 & Pt 7446, Jalan Bbn1/2h, Putra Point 1
Bandar Baru Nilai 1
71800 NILAI, NEGERI SEMBILAN

12. Presiden
Malaysian Association of Private Colleges and Universities (MAPCU)
c/o Asia Pacific Institute of Information Technology (APIIT)
Jalan Inovasi 1, Techonology Park Malaysia
Bukit Jalil
57000 KUALA LUMPUR

13. Presiden
National Association of Private Educational Institutions (NAPEI)
A-1-3, Block A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1
46050 PETALING JAYA, SELANGOR

14. Presiden
Persatuan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta Sabah (PIPTSS)
1st-3rd Floor
85, Jalan Gaya
88000 KOTA KINABALU, SABAH

15. Presiden
Persatuan Institusi-Institusi Pendidikan Tinggi Sarawak (PERINTIS)
Pusat Pembangunan Kemahiran Sarawak/ International College of
Advance Technology Sarawak
Jalan Canna, Off Jalan Wan Alwi, Tabuan Jaya
93350 KUCHING, SARAWAK